

## GAMBARAN MASYARAKAT ISTANA DALAM *HIKAYAT USUL MUJALIS PERDANA HALAM*

NUR AZLIN MATSOM  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[azlinmatsom@gmail.com](mailto:azlinmatsom@gmail.com)

ZUBIR IDRIS\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[zidris@ukm.edu.my](mailto:zidris@ukm.edu.my)

\*Penulis Koresponden

### ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang gambaran masyarakat Melayu lama yang banyak sekali terdapat dalam hasil kesusasteraan Melayu tradisional. Naskhah yang digunakan dalam kertas kerja ini ialah naskhah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam*, yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia dalam bentuk manuskrip bernombor panggilan MSS2241. Naskhah ini banyak didominasi kisah-kisah penceritaan golongan pemerintah, yang berkisar tentang bagaimana kehidupan seharian golongan-golongan bangsawan di istana. Naskhah ini turut menggambarkan aspek sosial dan budaya dalam kalangan golongan istana pada zaman lampau. Pendekatan sosiologi digunakan dalam membincangkan maklumat yang terdapat di dalam naskhah. Hasil kajian mendapati terdapat banyak gambaran masyarakat istana di dalam naskhah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam*. Antaranya ialah nilai kasih sayang dalam institusi kekeluargaan, adat dan amalan golongan diraja, pengamalan unsur magis, kepercayaan kewujudan makhluk ghaib, amalan bersedekah, alat komunikasi serta amalan makan sireh (bersireh) dalam kalangan masyarakat dahulu khususnya golongan istana. Adalah diharapkan agar kajian ini dapat dijadikan sebagai satu sumber untuk mendapatkan gambaran kehidupan masyarakat istana.

**Kata Kunci:** Adat; amalan; budaya; golongan pemerintah; masyarakat istana

## DEPICTION OF A PALACE COMMUNITY IN *HIKAYAT USUL MUJALIS PERDANA HALAM*

### ABSTRACT

This article examines the idea of a community life, a subject which is abundantly depicted in old manuscripts. The manuscript herein used for purposes of discussion is *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam*, which is catalogued as manuscript MSS2241 at the National Library of Malaysia. The manuscript largely centres on stories of the ruling class, which revolve around the daily life of the aristocrats in the palace. It also describes the social and cultural aspects of life among the courtiers in the past. The manuscript is analysed using a sociological approach in order to view portrayal of the said community from both social and cultural perspectives. The analysis shows that *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* highlights various social aspects of life in the palace such as the value of love in the institution of the family, customs and practices of the royal family, the practice of magic, belief in the

existence of supernatural beings, the practice of almsgiving, the various means of communication, and the ritual of betel-eating especially among members of the royal family. It is hoped that this article will provide an insight into community life as practised in the palace.

**Keywords:** Customs; practices; culture; ruling elite; palace society

## **Pengenalan**

Menurut Rahimah Abdul Aziz (2001), masyarakat ialah satu kumpulan manusia yang berinteraksi dalam kawasan atau sempadan yang telah ditetapkan dan dibimbing oleh satu budaya yang dikongsi bersama. Masyarakat dalam konteks ini dapat dilihat sebagai sekumpulan manusia yang menggunakan bahasa yang sama untuk berkomunikasi serta diikat oleh satu budaya atau cara hidup yang diterima sebagai aturan hidup mereka. Masyarakat istana seperti yang diperihalkan dalam hikayat-hikayat hasil kesusasteraan Melayu tradisional merupakan gambaran sekumpulan masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat atau kebiasaan yang kekal menjadi turun temurun dalam kehidupan mereka. Mereka mempunyai sistem dan corak kehidupannya yang tersendiri, walaupun tidak dinafikan dalam konteks masa kini sebagai perbandingan, telah berlaku banyak perubahan bersesuaian dengan arus peredaran zaman.

Dalam konteks sastera, karya-karya seperti hikayat-hikayat lama ini seolah-olah bertindak menjadi cerminan masyarakat yang silih berganti, dari satu generasi ke satu generasi. Pengarang diibaratkan sebagai wakil dalam menggambarkan peristiwa yang berlaku dalam tempoh masa tertentu dalam sesebuah masyarakat. Naskhah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* misalnya, adalah di antara karya yang dapat menggambarkan kehidupan seharian kelompok masyarakat zaman lampau. Sehubungan itu, tulisan ini memperkatakan perkara-perkara yang berkaitrapat dengan gambaran masyarakat istana yang diperihalkan dalam naskhah-naskhah lama seperti *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam*. Antara perkara yang diberikan tumpuan berkatan dengan masyarakat istana adalah seperti adat dan kelaziman amalan mereka, pengamalan unsur magis, kepercayaan kewujudan makhluk ghaib, amalan bersedekah, amalan bersireh dan lain-lain.

## **Metodologi Kajian**

Tulisan ini didasarkan kepada analisis teks. Penelitian dibuat berdasarkan pendekatan sosiologi dalam mengetengahkan maklumat dan gambaran sesuatu komuniti seperti cara hidup masyarakat yang berperaturan, adat kelaziman selain kepercayaan (juga seperti pergaulan masyarakat, adat istiadat istana, cara hidup dan sebagainya) seperti yang terdapat dalam naskhah. Usaha untuk mengesani unsur sosiologi dilihat atau dikesan melalui aspek bahasa, yang menjadi wahana kepada pengarang silam bagi menzahirkan segala maklumat dan gambaran masyarakat seperti yang terakam dalam hikayat yang dikaji. Justeru, tulisan ini turut merungkai gambaran masyarakat menerusi analisis aspek bahasa yang dijangka dapat menggambarkan pemerihalhan yang berkaitan dengan gambaran masyarakat istana.

## GAMBARAN MASYARAKAT ISTANA

Naskhah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* banyak memaparkan kehidupan masyarakat istana atau golongan diraja. Sepertimana naskhah-naskhah Melayu yang lain, penceritaan terhadap golongan atasan sememangnya mendapat lebih tumpuan berbanding masyarakat bawahan. Hal ini adalah kerana golongan atasan ataupun golongan istana diletakkan di tempat yang tinggi dalam kehidupan masyarakat Melayu. Berhubung hal ini, Safwan Razali dan Zubir Idris (2018:225) mengatakan masyarakat kelas atasan dalam masyarakat Melayu tradisional dapat dilihat di dalam strata sosial masyarakat Melayu, yang meletakkan kedudukan raja sebagai individu yang menduduki hierarki tertinggi. Golongan atasan ini seterusnya didukung oleh golongan kerabat raja sendiri seperti golongan pembesar dan juga golongan bangsawan Protokol, adat istiadat dan amalan yang diamalkan dalam kalangan masyarakat istana misalnya, meletakkan golongan pemimpin istana berada dalam kelasnya yang tersendiri. *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* sebagai contoh, banyak sekali memperihalkan kelaziman dan amalan masyarakat istana, sekaligus mengangkat golongan ini sebagai golongan yang istimewa dalam masyarakat Melayu.

### Adat dan Amalan Golongan Diraja

Istilah adat diberikan penerangan berdasarkan tiga konsep iaitu adat menurut perspektif Melayu, adat mengikut syariah Islam dan adat menurut sarjana Barat. Adat dalam konsep perspektif Melayu berasal dari bahasa Sansekerta iaitu ‘a’ (bererti “bukan”) dan ‘dato’ (bererti “sifat kebendaan”). Maka, adat adalah sifat *immaterial* iaitu yang menghubungkaitkan dengan hal-hal yang berkaitan dengan sistem kepercayaan. Ada juga pandangan yang mendakwa adat berasal dari perkataan Yunani di mana ‘a’ (bererti “tidak”) dan ‘dat’ (bererti “nyata”). Maka, adat merupakan sesuatu yang tidak nyata tetapi terasa seperti norma, etika dan kemanusiaan (Nurul Asmida, 2015: 39).

Adat dapat diertikan sebagai peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun sejak dahulukala dalam sesebuah masyarakat sehingga ia menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Kadangkala ia membawa makna kebiasaan, iaitu yang sudah lumrah diterima oleh setiap individu dalam sesebuah masyarakat. Berhubung hal ini, Kassim Salleh (1989) mengatakan adat sebagai sesuatu yang menjadi kebiasaan manusia dan mengalaminya dalam bentuk perkataan, perbuatan atau meninggalkan tindakan tertentu. Perkara itu berlaku berulang-ulang sehingga mempengaruhi diri manusia dengan memberi kepuasan dan perkara itu juga diterima akal. Ini bermaksud, adat merupakan amalan yang dilakukan secara konsisten oleh kelompok. Mohd Anuar Ramli (dalam Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad, 2108:299) mengutarakan mengenai adat secara umum dalam pemikiran Melayu dan menyimpulkan pengertian adat iaitu amalan, perbuatan, kelakuan, tingkah laku yang menjadi kebiasaan. Ia merupakan norma hukum dan peraturan pemerintahan yang dilaksanakan dalam masyarakat. Sebagai contoh, Adat Perpatih dan Adat Temenggong. Selain itu, ia juga prinsip alam semula jadi, seperti adat api itu membakar dan adat air itu basah. Ia melihat kepada sesebuah sifat yang terlazim. Ia juga merujuk upacara atau adat istiadat dalam bidang kehidupan seperti perkahwinan, kelahiran, kematian, atau kepercayaan. Ia juga merupakan susunan atau sistem masyarakat dan institusi kemasyarakatan seperti sistem kekerabatan, kehartaan, dan politik.

Adat telah mengalami proses perkembangan yang dinamik iaitu mengandungi makna yang luas dan mendalam, sehinggakan sesuatu acara tradisi dapat disamakan dengan kebudayaan. Penggunaannya banyak ditemui dalam karya-karya sejarah, perundangan dan bahan sastera lama serta turut ditemui dalam kalangan kelompok-kelompok masyarakat rumpun Melayu tradisional. Adat dan amalan yang terdapat dalam naskhah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* lebih menjurus kepada adat-adat kebiasaan seperti yang terdapat dalam institusi diraja. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah (*Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam*: 68).

Maka setelah Sultan Mangeran Indera pun turun dari atas kenderaannya lalu duduk ke tanah seraya menyembah. Sembahnya, “Silakan Duli si Halam, Patik iringkan!” Maka

baginda pun segeralah berangkat masuk kota langsung sekali ke balai lalulah semayam di atas singgahsana yang keemasan berumbai-umbai mutu manikam dan serta anakanda Baginda Usul Mujalis dudukkan di sisi atas peterana di kanan ayahanda baginda. Shahdan, maka Seri Sultan Mangeran Indera dengan segala raja, menteri, hulubalang, rakyat, bala tentera itu masing-masinglah dengan tempat duduk pada takhta kerusinya seraya menyembah kepada baginda dan suruh kepada segala raja-raja itu pun diangkat oranglah ke tengah.

Mujalis baginda pun memberilah puannya kepada adinda Baginda Sultan Mangeran Indera seraya bertitah, “Santaplah adinda dan anakanda, sirih kekanda!” Setelah Sultan Mangeran Indera mendengar titah baginda, seraya menyembah lalulah segera disambutnya serta dengan hormatnya sambil baginda mencium anakanda Baginda Seri Sutan Kecil, dibawa baginda duduk di sisinya serta dengan gembiranya baginda melihat rupanya Seri Bagindanya seraya baginda bertitah, “Inilah putera adinda yang kecilnya?”

Berdasarkan petikan tersebut, dapat dilihat bahawa apabila ada Sultan atau orang besar datang bertandang atas sebarang urusan, orang besar tersebut akan disembah dan diiringkan masuk ke dalam balai istana dan dijemput untuk bersemayam atau dijemput duduk di atas singgahsana. Petikan tersebut memperihalkan bagaimana Sultan Mangeran Indera bersama-sama angkatannya dengan segala raja, menteri, hulubalang, rakyat duduk pada tempat yang telah disediakan dan menyembah kepada pemerintah. Kemudian mereka diberi sedikit jamuan iaitu sepah atau sirih. Peristiwa yang dinukilkan pengarang naskhah ini menerangkan betapa ia telah menjadi adat kebiasaan bagi masyarakat zaman lampau, malah turut dipraktikkan sehingga sekarang. Adat seperti yang diabadikan dalam hikayat ini membolehkan khalayak lebih mengenali mengenai adat-adat dalam masyarakat Melayu khususnya dalam institusi diraja.

Begitu juga dengan adat istiadat berkaitan penghormatan yang diberikan kepada golongan pemimpin. Pengarang *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* ini ada menggambarkan bagaimana seorang pemimpin mendapat layanan yang istimewa, seperti dalam petikan berikut.

Shahdan, maka mungkur tempat Permaisuri pun sudah dibawa orang dan menteri hulubalang dimasukkan ke hadapan pintu istana itu. Maka Permaisuri Mercu Kemala pun menyembah kekanda baginda ketiga. Maka segera dipeluk dan dicium Permaisuri Besar hulu adinda baginda. Maka telah sudah bertangis, maka Permaisuri Mercu Kemala pun naiklah ke dalam mungkur diiringkan isteri segala raja, menteri, hulubalang, Siti Dang Dayang lalu dibawa Perdana Menteri, hulubalang berjalan keluar kota. Maka Baginda Seri Sultan Perdana Agung melihat mungkur tempat isterinya sudah berjalan itu.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam: 53-54)*

Petikan di atas memperihalkan betapa orang-orang besar di istana sangat dihormati sebagai pemerintah tertinggi. Hal ini dapat dilihat apabila Permaisuri Mercu Kemala dipersilakan masuk ke dalam mungkur atau usungan setelah beliau menyembah kekanda baginda ketiga. Setelah Permaisuri Mercu Kemala masuk ke dalam mungkur, segala isteri raja, menteri, hulubalang dan dayang-dayang semua berjalan mengiringi Permaisuri Mercu Kemala dan Perdana Menteri, dengan hulubalang mengusung mungkur tersebut meninggalkan kota. Berhubung perkara ini, jelaslah betapa orang-orang besar istana mendapat tempat yang mulia, maka sewajarnya mereka dihormati dan segala tindak-tanduk Sultan mahupun keluarganya akan dikawal rapi.

Upacara sambutan keraian apabila meraikan mendapat perkhabaran yang baik atau berlaku sesuatu peristiwa yang menggembirakan merupakan salah satu daripada adat kebiasaan yang diamalkan

oleh masyarakat istana. Gambaran mengenai kelaziman ini dapat dilihat dalam petikan berikut.

Alkisah maka tersebutlah perkataan Baginda Maharaja Dewa Gempita Alam. Maka baginda pun berputera pula seorang laki-laki dengan Permaisuri Muda terlalu sangat baik parasnya hampir-hampir dengan juga dengan paras kekanda Baginda Usul Mujalis. Dinamakan baginda puteranya itu Seri Sutan Tengah Menqadar Laksana Temangan Putera Muda Kembar Kayangan. Setelah sudah baginda memberi nama anakanda baginda pun berangkat turun ke balai. Anakanda Baginda Usul Mujalis Perdana Alam lalulah semayam di atas singgahsana, dihadap segala raja-raja, menteri hulubalang berjamu makan dan minum serta memalu bunyian bersukaan tanda baginda baharulah dapat putera laki-laki dengan Permaisuri.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Alam: 41)*

Petikan tersebut mengisahkan perihal Baginda Maharaja Dewa Gempita Alam yang mendapat seorang cahaya mata lelaki bersama isteri mudanya iaitu Permaisuri Muda. Baginda berasa sangat gembira dan menamakan anak lelakinya itu Seri Sutan Tengah Menqadar Laksana Temangan Putera Muda Kembar Kayangan. Seluruh isi istana turut berkongsi kegembiraan dan ianya diterjemahkan dengan adanya jamuan keraian dan sambutan sempena kelahiran anak lelaki baginda bersama Permaisuri. Dalam hal ini, dapat dikesan bahawa masyarakat dahulu terutamanya golongan istana gemar berjamu-jamuan dan bersukaan apabila berlaku sesuatu peristiwa atau mendapat perkhabaran yang menggembirakan. Kegembiraan mereka ini dizahirkan dengan pesta dan sambutan berserta jamuan-jamuan yang diiringi pula dengan persembahan (paluan dari alat-alat muzik tradisional) bagi memeriahkan suasana.

Pesta keraian bagi menyambut berita gembira dalam kalangan masyarakat istana seperti yang digambarkan dalam *Hikayat Usul Mujalis Perdana Alam* ini dinulikan pengarang dalam pelbagai suasana. Petikan berikut memperihalkan akan hal ini;

Menteri hulubalang orang kaya itupun sehari-hari juga membawa persembahan segala h-d-m-r-n kepada Raja Permaisuri. Setelah sampai tujuh bulan, maka baginda pun siramkan isteri betapa adat raja yang Agung Alam. Begitulah diperbuat baginda akan isteri disiramkannya di dalam istana di depan anak segala raja yang berjawatan. Beberapa pula permainan di dalam istana dan dari wayang topengnya j-k-i-p tunduknya dan permainan orang Jawa serta berjamu-jamu segala isi negeri minum bersukaan siang dan malam.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Alam: 4)*

...sehari-hari baginda melihatkan bidan memandikan anakanda baginda takutkan anakanda baginda cedera kerana lagi di dalam pusatnya itulah. Maka baginda tiada bergerak daripada tempat anakanda baginda itu dan duduklah baginda bersukaan di dalam istana makan dan minum berjaga-jaga empat puluh hari empat puluh malam, tiadalah diberi baginda tidur segala seorang di dalam istana itu. Apabila Siti Dang Dayang ingar jikakan puteranya beradu, disuruh baginda palu dengan menteri. Demikianlah baginda semayam ke balai kerana baginda bimbangkan puteranya.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Alam: 41)*

Dalam petikan pertama digambarkan hal keadaan orang-orang di istana yang sering bersukaan, bermain permainan, berjamuan dalam tempoh waktu yang lama. Diperihalkan bagaimana menteri, hulubalang dan orang-orang kaya membawakan persembahan kepada Raja Permaisuri. Menjadi suatu kelaziman, apabila sesuatu adat dijalankan di istana, seluruh isi negeri akan bersukaan dan bergembira. Ia adalah cara bagi masyarakat tradisional zaman lampau bergembira dan meluangkan masa bersama-sama. Petikan yang kedua pula memaparkan perihal baginda raja yang sentiasa bersukaan di dalam istana, malah membuat pekerjaan berjaga-jaga selama empat puluh hari empat puluh malam lantaran bimbang akan anakandanya. Seluruh isi istana tidak dibenarkan tidur dan jika mereka berbuat demikian, mereka akan dipalu oleh menteri. Seluruh isi istana bukan sahaja bersukaan untuk bergembira dan sebagainya, tetapi dalam masa yang sama mereka perlu melaksanakan tanggungjawab menjaga anakanda baginda itu.

Shahdan, maka Baginda Usul Mujalis pun bangkitlah daripada tempatnya, datang menyembah Seri Sultan Mangeran Indera kerana disuruh ayahanda Baginda Seri Sultan Maharaja Dewa Gempita Alam. Maka Usul Mujalis pun menyembah. Maka segera disambut Sultan Indera. Maka segera dipeluk dan dicium Sultan Mangeran Indera serta dengan hairan mendengar bunyi-bunyian dipalu orang seraya berkata kepada Baginda Seri Sultan Maharaja Dewa, “Inilah putera baginda!” sahut baginda yang tuanya. Seketika duduk, maka baginda pun berjamu Sultan Mangeran Indera dengan segala anak raja-raja, menteri, hulubalang terlalu sangat ramainya serta memalu segala bunyian, betapa adat raja-raja yang Agung Alam santap. Demikianlah baginda santap. Hari pun demikianlah baginda berjamu-jamuan.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Alam: 68-69)*

Petikan di atas memperihalkan peristiwa Baginda Usul Mujalis datang menyembah Sultan Mangeran Indera kerana disuruh oleh ayahandanya, Baginda Seri Sultan Maharaja Dewa Gempita Alam. Setelah itu, kesemua mereka yang berada di istana tersebut dihidangkan dengan jamuan, “maka baginda pun berjamu Sultan Mangeran Indera dengan segala anak raja-raja, menteri, hulubalang terlalu sangat ramainya serta memalu segala bunyian, betapa adat raja-raja yang Agung Alam santap”.

Berhubung dengan peristiwa tersebut, sudah menjadi adat atau kebiasaan bagi masyarakat Melayu untuk menerima kedatangan tetamu dengan baik sejak dari zaman dahulu lagi. Ia menjadi ajaran yang dikekalkan dan dipraktikkan masyarakat Melayu sehingga ke hari ini, malah turut melambangkan identiti masyarakat Melayu yang penuh adab dan sopan.

### **Pengamalan Unsur Magis**

Masyarakat Melayu zaman lampau mempercayai kewujudan kuasa yang luar biasa yang mampu mengawal dan menguasai alam semesta. Magis adalah satu usaha untuk mengawal dan memanipulasi serta menakluk kuasa ghaib demi kepentingan individu yang tertentu. Kewujudan magis sedikit sebanyak menjadi kepercayaan orang Melayu disebabkan mereka ingin melindungi diri daripada bencana.

Hanafi Dollah dan Mohd Nazri (Anwar Din, 2007) mendefinisikan kepercayaan magis adalah percaya terhadap kuasa ghaib untuk keperluan segera. Anwar Ridhwan (2005) menyatakan seseorang yang mempunyai ilmu sering difahami sebagai orang yang boleh melakukan magis yang ghaib dan luar biasa. Kuasa luar biasa kebiasaannya dimiliki oleh orang-orang tertentu.

Dalam naskhah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Alam*, dikisahkan bagaimana unsur magis digunakan oleh Usul Mujalis sendiri. Hal ini dinyatakan pengarang dalam petikan di bawah.

Maka itu, maka segera dia ikut oleh Sitawan. Baginda pun berkata kepada Sitawan, Marilah kekanda adinda kita pergi sementara belum lagi siang ini” Sembah Sitawan, “Silakan Tuanku! Patik iringkan.” Maka Usul Mujalis pun mengadakan panahnya seraya berkata, “Hai panahku yang sedia sakti! Siapa dengan ku\_\_\_\_\_ pusaka daripadamu yang di baginda? Terbangkanlah aku ini ke Desa Jemulu Halaman! Ke padang suka menanti, ke gunung siapa melepas?” berkata sambil melepaskannya anak panah itu. Berdengung bunyinya seperti kembang di padang mancar-mancar seperti kilat cahayanya datang memancar. Baginda Usul Mujalis dengan anak raja kedua itu lalu dibawanya terbang ke udara. Maka, terhentilah perkataan Usul Mujalis dahulu diterbangkan anak panah.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman: 14)*

Petikan tersebut mengisahkan Baginda Usul Mujalis mengajak Sitawan pergi ke Desa Jemulu Halaman sementara malam menjelang. Usul Mujalis dikatakan mengeluarkan panah saktinya sambil menyeru agar mereka diterbangkan ke Desa Jemulu Halaman. Berkat dari anak panah sakti tersebut, Usul Mujalis dan Sitawan akhirnya dibawa terbang ke udara. Ternyata bahawa panah milik Baginda Usul Mujalis mempunyai magis atau kuasa sakti, apabila panah tersebut mampu membawa Usul Mujalis terbang menuju ke tempat yang dihajati. Berhubung hal ini, kemampuan yang dimiliki oleh Baginda Usul Mujalis itu menjelaskan betapa ia menjadi kekuatan bagi seseorang raja yang menjadikannya dihormati oleh rakyatnya, selain dapat membezakan taraf seorang raja dengan rakyat biasa. Unsur magis yang dimiliki Baginda Usul Mujalis seterusnya digambarkan pengarang seperti berikut;

Shahdan Usul Mujalis pun sukalah olehnya kekanda adinda ketiga itu bersama-sama dengan dia lalulah keempat menyembah lalu bermohon turun dari balai lalu naik ke atas kenderaan. Berjalanlah keluar kota diiringkan segala raja-raja yang muda serta menteri, hulubalang, lalulah melayang menuju Gunung Benderung Kemala Jakti Terumbing, setelah tiada tampak lagi angkatan anakanda Baginda Usul Mujalis, maka Seri Sultan Mangeran Indera pun bermohonlah kepada kekanda baginda berjalan menuju \_\_\_\_\_ dan Baginda Seri Sultan Maharaja Dewa pun berangkat naik ke dalam istana serta dengan percintaan akan anakanda baginda.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman: 90)*

Berdasarkan petikan tersebut, unsur magis yang dimiliki Baginda Usul Mujalis dapat dilihat apabila angkatannya berangkat pulang. Baginda Usul Mujalis berjalan keluar kota diiringkan segala raja-raja, menteri dan hulubalang. Dengan menggunakan panahnya yang sakti, baginda kemudiannya melayang bersama-sama angkatannya menuju Gunung Benderung Kemala Jakti Terumbing. Dalam hal ini, jelaslah bahawa Baginda Usul Mujalis sememangnya mempunyai kuasa sakti yang tidak ada pada orang lain. Selain Baginda Usul Mujalis, elemen magis atau kuasa sakti turut dimiliki oleh Permaisuri seperti yang dikisahkan dalam hikayat ini. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut;

Maka, Permaisuri pun menyembah lalu diambilnya cembul permata sakti itu dilihat baginda dengan natar yang sakti. Dilihat baginda ada pun cembul itu pusaka turun temurun daripada nenda moyang perempuan. Beberapa anak cucu yang perempuan yang hendak diberikannya cembul itu, seorang pun tiada yang boleh menyimpannya cembul

itu. Lalu disuruhnya simpan kepada seorang sahabatnya, Jin Al Islam. Dipesankannya, “Apabila ada yang boleh menaruh pusakaku ini daripada anak cucuku, baharulah engkau berikan dan panah itupun demikian juga. Keduanya itu terlalu sangat saktinya. Barang yang siapa kena tidaklah dapat menahannya sebagai lagi apa-apa kehendak semuanya berlaku.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman: 10)*

Cembul atau tempat gambir yang diperbuat daripada logam merupakan barang yang mempunyai kuasa sakti. Berdasarkan petikan tersebut, Permaisuri dikatakan memiliki cembul permata sakti, yang merupakan pusaka turun-temurun daripada nenek moyang perempuannya. Dikatakan cembul tersebut tiada orang lain yang boleh menyimpannya kerana terlalu sakti lalu Permaisuri menyuruh sahabatnya, Jin Al Islam menyimpan cembul tersebut bersama-sama dengan panah sakti. Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan, dapatlah dinyatakan bahawa elemen magis dan sakti merupakan suatu kebiasaan yang terdapat dalam karya-karya tradisional masyarakat zaman lampau, yang secara tidak langsung menjelaskan juga kepercayaan mereka kepada sesuatu unsur yang luar biasa. Selain itu, elemen magis dan sakti ini juga turut dimanfaatkan oleh pengarang untuk menjadikan sesebuah kisah itu lebih menarik untuk dibaca.

### **Kepercayaan Terhadap Kewujudan Makhluk Ghaib**

Ghaib bermaksud “tidak dapat dilihat atau tersembunyi”; ia juga dapat dimaksudkan dengan ‘hilang’ atau ‘lenyap’. Al- Raghīb al-Asbahani (dalam Mohd Zohdi bin Mohd Amin 2014: 50) menjelaskan bahawa ‘ghayb’ ialah sesuatu yang terselindung dari pandangan mata. Kepercayaan masyarakat Melayu terhadap perkara-perkara ghaib dipengaruhi oleh sistem pemikiran orang Melayu. Mereka tahu akan kewujudan makhluk ghaib seperti yang dijelaskan oleh Islam iaitu wujudnya jin sebagai makhluk ghaib yang hidup dalam alam persekitaran manusia.

Menurut Othman Yatim (dalam Syaimak Ismail dan Muhammad Saiful Islam Ismail, 2020:257), masyarakat Melayu beranggapan benda-benda yang berada di sekeliling mereka mempunyai semangat dan kuasa ghaib seperti kuasa matahari, bulan dan bintang. Penghormatan terhadap alam juga boleh dilihat apabila golongan intelektual Melayu sering menggunakan metafora sebagai medium utama dalam kehidupan seharian yang diperolehi berdasarkan kepada penggunaan akal fikiran dan pengamatan terhadap alam sekitar. Hal ini memberikan kesan kepada kehidupan masyarakat Melayu yang kemudiannya memberikan penghormatan terhadap alam melalui aktiviti seharian seperti di dalam percakapan dan tingkah laku mereka.

Berhubung perkara ini, Zainal Kling (2009), pada zaman awal kedatangan Islam, gagasan ‘dewata mulia raya’ dan ‘sang hyang’ berubah menjadi Allah sebagai Pencipta dan merupakan satu-satunya yang tiada tolok bandingnya. Alam semesta ini dihuni oleh pelbagai jenis makhluk termasuklah makhluk ghaib. Maka tidak hairanlah banyak cerita-certia mitos yang wujud pada zaman dulu terselit mengenai amalan dan kepercayaan masyarakat Melayu terhadap makhluk ghaib dan juga perkara seumpamanya.

Naskah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman* ada memaparkan tentang kewujudan unsur-unsur makhluk ghaib dengan perkara ini diceritakan berlaku pada waktak utama dalam hikayat iaitu Baginda Usul Mujalis. Berikut diperturunkan contoh petikan yang berkaitan dengan kewujudan makhluk halus dalam hikayat ini.

Shahdan, diceterakan orang empunya cetera ini, adapun akan pohon kayu besar itu terlalu sangat besar pokoknya. Ada seorang hantu duduk terlalu sangat besar panjang serta dengan tingginya saujana mata memandang serta dengan buruk rupanya bernama Dewa



b-a-ny-q Bustan Gangga. Adapun adatnya hantu itu tetapi malam keluar ia pergi mencari makannya.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman: 15)*

Dalam petikan tersebut digambarkan rupa paras hantu yang sangat besar dan panjang. Susuk tubuh hantu tersebut sangat tinggi dan mempunyai wajah yang buruk. Nama hantu tersebut ialah Dewa b-a-ny-q Bustan Gangga yang tinggal di sebuah pokok kayu yang sangat besar. Hantu itu kebiasaannya akan keluar pada waktu malam untuk mencari makanannya. Berdasarkan petikan tersebut menjelaskan kepercayaan kewujudan makhluk ghaib dalam kalangan masyarakat Melayu merupakan sesuatu yang tidak asing lagi dari zaman dahulu.

Hantu dipercayai mempunyai kuasa yang luar biasa dan dianggap dapat mengancam kesejahteraan insan, punca kepada kebanyakan penyakit, mengusik atau menakut-nakutkan manusia, bahkan mampu mencederakan dan membunuh manusia. Maka, disebabkan itu, masyarakat Melayu terutamanya zaman dahulu banyak berdampingan dengan makhluk ghaib, dengan salah satu tujuannya adalah untuk menjamin keselamatan diri sendiri dan keluarga. Masyarakat zaman dahulu masih jahil mengenai hukum hakam dalam agama Islam. Justeru, tidak hairanlah sekiranya istilah makhluk ghaib atau hantu dan segala istilah yang berkaitan dengannya sangat dekat dengan masyarakat Melayu.

### **Amalan Bersedekah**

Harta merupakan aset yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Hal ini adalah kerana manusia dipertanggungjawabkan untuk menjadi pengurus terhadap harta pemberian Allah SWT. Ia membantu manusia untuk mengurus, mentadbir serta mengambil manfaat daripadanya untuk membangunkan diri dan masyarakat. Penbagai bentuk pentaklifen dalam mengikut syariat Islam yang dituntut untuk dilaksanakan. Antaranya adalah sedekah atau infak yang dapat diertikan sebagai menyerahkan sesuatu hak yang dimiliki oleh seseorang secara sah kepada orang lain kerana Allah SWT tanpa mengharap habuan dalam sebarang bentuk (Md. Shukri, 2010: 40).

Sedekah atau sadaqah adalah perkataan yang asal daripada Arab yang dapat dimaksudkan dengan ‘yang benar’. Sedekah dari segi syarak dapat dimaksudkan dengan pemberian sesuatu kepada orang yang memerlukan secara sukarela dan ikhlas tanpa dibatasi oleh waktu dan jumlah tertentu dengan tujuan mahu mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dalam sesebuah komuniti masyarakat, derma atau sedekah ini boleh meringankan beban orang lain dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Sedekah dapat dikategorikan dalam bentuk kebaikan yang dianjurkan dalam Islam. Banyak dalil al-Qur’an yang memperkatakan mengenai pensyariatian sedekah yang dijelaskan oleh Allah SWT. Ayat 261 dalam surah al-Baqarah menjelaskan mengenai kebaikan dan kemuliaan amalan sedekah disisi Allah SWT. Ianya adalah bertujuan untuk mencapai kekayaan, kesenangan dan menjadi perantara yang membantu untuk memelihara kemuliaan, ketertinggian umat. Amalan bersedekah dalam kalangan masyarakat boleh mengukuhkan ukhuwah dengan lebih erat. Allah SWT turut berfirman dalam al-Quran, bahawa Allah amat menekankan keperluan orang kaya dan yang berkemampuan supaya menghulurkan kepada orang yang miskin dan hidup dalam kekurangan. Banyak kebaikan bagi sesiapa yang mengamalkan sedekah selain kebaikan dan ganjaran yang banyak yang dijanjikan oleh Allah SWT, sedekah mampu menyemai sikap kasih sayang antara satu sama lain. Ia mempunyai hikmahnya yang tersendiri dan ia berupaya mengubah perasaan benci yang tertanam dalam lubuk jiwa seseorang kepada perasaan kasih terhadap seseorang individu. Amalan bersedekah ini ada dinyatakan dalam *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman* seperti yang berikut;

Seketika turun itu, maka kata Tuan Puteri, “Marilah abang kita masuk ke dalamnya

kubah.” Maka titah baginda, “Janganlah tuan masuk!” Maka, baginda pun menyiramkan anakanda baginda kedua serta memberi sedekah derma. Semuanya dikurnia baginda akan fakir miskin menerima kurnia. Maka seketika duduk itu, maka Tuan Puteri pun berkata kepada bonda baginda, “Marilah ayahanda kita balik kerana penat sangat rasa badan patik...”

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman: 5)*

Berdasarkan petikan tersebut, diceritakan Tuan Puteri mengajak kekanda bagindanya itu masuk ke dalam kubah, iaitu sebuah kubur bagi orang-orang kenamaan. Tetapi dilarang oleh kekanda baginda lalu baginda memandikan anakanda baginda dan memberi sedekah derma. Sedekah derma tersebut dikurniakan kepada semua fakir miskin di negeri tersebut. Amalan bersedekah yang diamalkan oleh golongan istana pada zaman lampau di dalam hikayat ini turut dapat dilihat menerusi petikan berikut;

Shahdan, baginda pun memberi nama anakanda tuan, nama anakanda Baginda Tuan Puteri Kembar Cahaya Seri \_\_\_\_\_. Sudah baginda memberi nama anakanda baginda itu, lalulah \_\_\_\_\_ semayam di atas singgahsana yang keemasan. Seketika duduk itu, baginda pun bermohon kepada isterinya, lalulah turun kembali menitahkan menteri rakyat hulubalang memalu agung kesukaan di loteng, disifat padang pun gemuruhlah bunyinya dipasang oranglah. Maka baginda pun memberi pula lagi derma sedekah kepada segala fakir miskin terlalu sangat banyaknya, terlebih pula daripada yang baharu berputera, kerana baginda bernazar apabila baginda berputera perempuan, baginda hendak menghabiskan empat buah kendong. Demikianlah nazar baginda dan fakir miskin pun menjadi kayalah daripada banyak sedekah baginda.”

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman: 16)*

Berdasarkan petikan tersebut diperihalkan keadaan Baginda Usul Mujalis yang baharu beroleh seorang cahaya mata. Setelah baginda memberi nama kepada anakanda baginda yang baru lahir itu, lalu baginda bersemayam di atas singgahsana. Baginda turun menitahkan menteri, hulubalang, rakyatnya untuk memalu alat muzik kesukaan baginda ebagai tanda meraikan peristiwa yang menggembirakan itu. Baginda juga turut memberi sedekah derma kepada segala fakir miskin. Hal ini disebabkan baginda sudah bernazar, jika anak yang dilahirkan adalah perempuan, baginda hendak menghabiskan empat buah kendong untuk memberi sedekah derma kepada fakir miskin. Begitu juga dalam situasi yang lain, amalan memberi sedekah dan derma diperlihatkan melalui watak baginda Usul Mujalis, dengan memohon kepada Tuhan agar isterinya sentiasa dalam keadaan yang sehat sejahtera sewaktu isterinya hamil. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

Demikianlah baginda sehari-hari sangat berkasihan kedua laki isteri. Mungkin bertambah kasih baginda akan adinda baginda seperti menatang minyak yang penuh. Sedikit tidak diberinya cedera. Makin selama adinda baginda hamil itu, bertambah-tambah juga kasih sayangnya serta dengan bimbangannya akan isterinya. Jika beranak esok, makin lemahnya adinda ini sangat susahnyanya baginda menentang wajah isterinya yang demikian sehari-hari juga baginda memberi sedekah derma, biar selamat sempurnanya. Itulah baginda pohonkan kepada Tuhan seru sekalian alam.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam: 56)*

Berdasarkan petikan tersebut diceritakan bahawa baginda sangat bimbang akan isterinya yang sedang hamil itu sehingga tidak mahu isterinya itu cedera sedikit pun. Baginda turut memikirkan tentang keadaan isterinya yang akan lemah setelah melahirkan zuruatnya. Maka, disebabkan berasa bimbang berlaku hal yang tidak diingini, setiap hari baginda akan memberi sedekah derma dan berdoa kepada Tuhan supaya selamat isterinya melahirkan. Hajatnya itu diterjemahkan apabila baginda sering bersedekah kepada rakyat jelatanya yang fakir miskin.

### **Alat Komunikasi**

Sejak zaman dahulu, alat komunikasi telah mula digunakan oleh masyarakat untuk berhubung antara satu sama lain. Ia juga merupakan satu medium yang digunakan untuk menyebarkan dan menyampaikan maklumat dan informasi kepada orang lain. Alat komunikasi pada zaman lampau tidaklah secanggih seperti alat komunikasi zaman sekarang tetapi disebabkan adanya alat komunikasi pada zaman lampau, para ilmuan berusaha membuat alat komunikasi yang lebih bermanfaat untuk digunakan oleh masyarakat serata dunia. Namun, masyarakat zaman dahulu tetap boleh berhubung menggunakan alat komunikasi mereka sendiri. Dalam *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* ini ada diperihalkan penggunaan alat komunikasi dalam kehidupan seharian mereka;

Maka Tuan Puteri pun kembali kepada mahligainya seraya menyuruh dayang membawa airmata darah di dalam cembul. Dayang lalu diberikan kepada Raja Muqdam Lela Sakti. Maka, Raja Muqdam ini berbuat maka ditaruk kepada cembul gading, lalu ia memangku si burung bayan budiman seraya kata, “Hai si raja burung bayan! Pergilah engkau dapatkan Usul Mujalis Perdana Halam negeri di Gunung Mercuru Kemala Jakti Terumbing. Apabila engkau bertemu, engkau percikkanku payung di dalam cembul ini serta engkau bersitikan dan engkau khabarkan keelokan sifat Tuan Puteri Citra Dewi Bangsawan.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam: 8)*

Petikan tersebut menceritakan Tuan Puteri yang baru pulang ke mahligainya dan kemudian menyuruh dayang membawa airmata darah di dalam cembul iaitu tempat gambir yang diperbuat daripada logam. Cembul tersebut diserahkan dayang kepada Raja Muqdam Lela Sakti dan diletakkannya cembul gading tersebut lalu memanggil dan memangku burung bayan. Raja Muqdam menyuruh burung bayan untuk pergi mencari Usul Mujalis Perdana Halam di negeri Gunung Mercuru Kemala Jakti Terumbing. Kemudian dititahkan burung bayan tersebut percikkan payung di dalam cembul tersebut dan bersitikan atau memberitahu secara samar-samar kepada Usul Mujalis akan keelokan Tuan Puteri Citra Dewi Bangsawan.

Berhubung perkara ini, dapat dijelaskan bahawa masyarakat zaman dahulu menggunakan burung sebagai alat komunikasi untuk berhubung dengan pihak yang lain. Kebiasaannya, masyarakat zaman dahulu menggunakan burung merpati untuk menghantar surat atau sebarang maklumat. Burung merpati dipilih kerana ia dikatakan seekor burung yang pintar, mempunyai daya ingatan yang kuat, berkemampuan untuk tahu tempat yang dituju serta mempunyai naluri untuk kembali ke sarangnya semula.

Kaedah ini dikatakan berasal dan digunakan oleh orang-orang Persia yang telah melatih burung-burung merpati tersebut. Pertama kali kaedah ini digunakan oleh Sultan Baghdad untuk mengirimkan pesanan dan maklumat kepada seluruh rakyatnya di negara bawah pemerintahannya. Orang Romawi pula menggunakan burung merpati sebagai pos untuk mengirimkan pesanan kepada pasukan ketenteraannya manakala orang Yunani menggunakan burung merpati untuk mengumumkan pemenang olimpik. Amerika turut menggunakan burung merpati sebagai alat komunikasi pada zaman perang dunia pertama iaitu tahun 1914 sehingga 1918. Dapat dilihat bahawa burung digunakan oleh masyarakat zaman lampau untuk berhubung antara satu sama lain.

### **Amalan Makan Sireh (Bersireh)**

Rooney (1993) menyatakan bahawa sireh pada asalnya dikaitkan dengan pemujaan yang didasarkan kepada amalan animisme. Ia juga turut dikaitkan dengan semangat seperti semangat air yang diseru dengan menanam sireh di kawasan yang kering dan diikuti dengan upacara memanggil hujan. Menurut Rooney lagi, dengan berlakunya peredaran dari satu zaman ke satu zaman, sireh telah diasimilasikan dalam pelbagai budaya dan memainkan peranan yang penting dalam aspek pemujaan mahupun penyembahan sama ada yang bercorak animistik mahupun yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha.

Fungsi sireh berbeza mengikut pandangan pelbagai tokoh. Menurut Rooney (1993), fungsi sireh dapat dibahagikan kepada empat iaitu gambaran simbolik, kegunaan dalam aspek perubatan, magis dan makanan. Abdul Hamid (2001) berpendapat bahawa sireh berfungsi sebagai gambaran simbolik dan status masyarakat selain daripada melambangkan kesantunan masyarakat, status masyarakat, nilai estetika serta kesusasteraan. Menurut Reid (dalam Khir, 2013), penggunaan sireh dalam upacara perkahwinan masyarakat Melayu dipercayai bertitik tolak daripada amalan penyembahan roh nenek moyang yang perlu diberikan sireh pada setiap upacara penting seperti perkahwinan. Khir (2013) turut berpandangan yang sama bahawa sireh dan pinang melambangkan dua penyatuan jiwa antara lelaki dan perempuan terutama dalam sesebuah perkahwinan.

Penggunaan sireh dalam naskhah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* sangat kerap dinayatakan sehingga ia menjadi satu yang tradisi dalam kalangan golongan di istana. Berikut diperturunkan contoh-contoh penggunaan sireh dalam hikayat ini.

Maka, Permaisuri pun terlalu sangat sukacita hatinya melihat kekanda baginda sangat kasih sayangnya akan dianya itu serta pula takut malunya akan dia, lalulah beradu kedua laki isteri. Setelah hari siang, maka baginda pun kedua laki isteri masuk, persantapan pun diangkat Siti Dang Dayang hadapan baginda Siti b-r-j-u-t-n. Baginda laki isteri santap itupun sudahlah santap sireh di dalam pun sepah disuapkan kepada isterinya.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam: 56)*

Maka setelah sudah itu, maka hidang pun diangkat oranglah ke hadapan baginda keenam berputera. Maka baginda keenam pun santap laki isteri bersama-sama anakanda ketiga. Maka seketika santap, lalulah sudah bersih tangan serta santap sireh, memakai bau-bauan seperti diberikan kepada anakanda baginda. Maka segera disambut Usul Mujalis Perdana Halam seraya menyembah bonda baginda lalu dimakan sepah.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam: 23)*

Maka hidangan persantapan pun baginda pun diangkat oranglah ke hadapan Baginda Usul Mujalis kedua bersaudara. Maka baginda pun mengajak adinda baginda santap. Maka keduanya pun santaplah. Kedua seketika santap lalulah sudah santap sireh sepah

disuapkan kepada adinda baginda, memakai bauan. Maka kata Tuan Puteri Kembar Cahaya Seri Keinderaan, “Marilah abang kita pergi mendapatkan ayahanda bonda”, berkata seraya bangun berlari.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman: 25)*

Petikan pertama memperihalkan keadaan Permaisuri yang sangat gembira apabila mengetahui suaminya itu sangat menyayangi dirinya. Dikisahkan Permaisuri bersama suaminya bersantap bersama-sama, yang disudahi dengan baginda menyuapkan isterinya sireh sebagai tanda sayang. Petikan kedua pula mengisahkan tentang hidangan yang dibawa untuk dihidangkan kepada baginda keenam berputera itu. Setelah selesai bersantap bersama anakanda ketiga, mereka semuanya memakan pula sireh serta memakai wangi-wangian sebagai kelaziman yang biasa diamalkan. Penggunaan sireh dalam petikan ketiga dapat dilihat apabila Baginda Usul Mujalis masuk untuk bersantap bersama-sama adindanya. Setelah selesai bersantap, Baginda Usul Mujalis pun menyuapkan adinda bagindanya, Tuan Puteri Kembar Cahaya Seri Keinderaan sireh. Berdasarkan ketiga-tiga petikan, dapat dinyatakan bahawa sireh dalam kalangan masyarakat istana pada zaman dahulu merupakan suatu adat yang lazim diamalkan. Mereka akan memakan sireh setelah selesai bersantap berserta dengan hidangan yang lain. Sireh pada waktu itu menjadi makanan wajib bagi masyarakat istana mahupun masyarakat umum.

Sheppard (1972) menyatakan bahawa tradisi memakan sireh atau bersireh merupakan warisan budaya silam yang telah lama wujud lebih daripada 3000 tahun yang lampau. Amalan memakan sireh menjadi sinonim dengan masyarakat di Asia Tenggara dan Melanesia. Amalan bersireh bukan sahaja menjadi makanan ruji masyarakat zaman lampau, malah apabila ada tetamu yang berkunjung, tetamu tersebut akan dihidangkan sireh kepada mereka. Dalam *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman*, ada diperihalkan mengenai sireh yang dijadikan sebagai hidangan untuk diberikan kepada tetamu. Hal ini ada digambarkan pengarang seperti dalam petikan di bawah.

Shahdan, maka Seri Sultan Mangeran Indera dengan segala raja, menteri, hulubalang, rakyat, bala tentera itu masing-masinglah dengan tempat duduk pada takhta kerusinya seraya menyembah kepada baginda dan sireh kepada segala raja-raja itu pun diangkat oranglah ke tengah.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman: 68)*

Maka baginda kedua bersaudara pun tersenyum dan sireh kepada anak raja-raja itupun diperedarkan oranglah kepada menteri, hulubalang daripada jorong emas dan perak. Maka titah Seri Sultan Perdana agung seraya tersenyum memandang kepada segala raja-raja, menteri, “Makanlah kekanda saudara kita sekalian sireh ini tiadalah dengan sepertinya.” Maka segala raja-raja itupun menyembah lalulah dimakannya sekapur seorang, masinglah dengan jorongnya.

*(Hikayat Usul Mujalis Perdana Halaman: 83)*

Berdasarkan petikan, diceritakan Seri Sultan Mangeran Indera bersama angkatannya, segala raja, menteri, hulubalang, rakyat, bala tentera yang datang berkunjung. Mereka kemudiannya duduk di takhta kerusi dan menyembah kepada baginda, dengan memakan sireh yang dihidangkan. Dalam adat istiadat raja di istana, hidangan sireh menjadi sesuatu yang istimewa untuk dihidangkan kepada tetamu yang datang. Amalan memakan sireh sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Selain fungsinya untuk dimakan, sireh dikatakan mempunyai keistimewanya sendiri yang digunapakai dalam

adat perkahwinan masyarakat Melayu iaitu dalam tepak sireh dan sireh junjung. Kedua-duanya mempunyai maksud yang simbolik dan memainkan peranan penting dalam komunikasi bukan lisan khususnya dalam masyarakat Melayu. Tepak sireh atau sireh junjung dalam upacara meminang, bertunang dan perkahwinan dianggap sebagai pembuka dan pelengkap sesuatu majlis (Norbaya, 1993). Sireh dianggap penting dalam menjaga hubungan kedua-dua pihak sehinggakan setiap perlakuan sewaktu memberi dan menerima tepak sireh mempunyai tafsiran dan maksudnya sendiri (Abdul Hamid, 2001).

### **KESIMPULAN**

Naskhah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* adalah sebuah karya sastera yang menceritakan sepenuhnya mengenai masyarakat istana. Intipati naskhah berkisar mengenai adat resam dan amalan-amalan di istana. Ia secara langsung menggambarkan bagaimana adat resam di istana diamalkan pada zaman dahulu. Keadaan dan suasana seluruh institusi diraja termasuk adat resam, amalan, kepercayaan dan sebagainya dapat dilihat kerelevanannya dengan institusi diraja pada masa sekarang. Maka, dapatlah dinyatakan bahawa naskhah *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam* ini bukan sahaja memberi hiburan kepada khalayak malah turut memberi pengetahuan mengenai budaya masyarakat istana.

Kebudayaan yang dipaparkan dalam naskhah menjadi lambang bagi institusi diraja terutamanya seperti adat-adat yang diamalkan semasa berada di dalam istana. Amalan seperti memakan sireh menjadi satu tradisi oleh masyarakat istana. Sireh pada kebiasaannya akan dimakan selepas mereka menjamah makanan utama. Pengamalan memakan sireh sedari dahulu telah diamalkan oleh sama ada masyarakat golongan atasan dan golongan diraja, mahupun masyarakat biasa. Tradisi dan amalan ini jika dilihat, masih lagi diamalkan oleh semua golongan.

Namun, dalam konteks zaman pada hari ini, pengamalan memakan sireh kebanyakannya hanyalah dalam kalangan golongan tua. Sangat jarang dilihat golongan muda yang mengamalkan memakan sireh. Naskhah ini menjadi suatu karya yang banyak mengangkat identiti dan jati diri masyarakat Melayu khususnya dalam kalangan golongan pemerintah. Dari aspek amalan-amalannya seperti kepercayaan terhadap makhluk ghaib, amalan bersireh dan amalan bersedekah sehinggalah kepada budaya dan adat resam dalam kalangan masyarakat istana itu sendiri menunjukkan bahawa masyarakat Melayu adalah bangsa masyarakat yang kuat dari segi identitinya. Amalan-amalan dan adat resam yang diamalkan sejak sekian lama ini sudah tentunya sangat bermanfaat untuk menjadi rujukan dan kepentingan generasi-generasi akan datang.

### **RUJUKAN**

- Abdul Hamid, A. 2001. *Sirih Pinang dan Kebudayaan Melayu: Satu Kajian Tentang Tepak Sirih*. Disertasi sarjana tidak diterbitkan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Anwar Din (Pnyt.). 2007. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Anwar Ridhwan (Pngr.). 2005. *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azzurin Mohd Yassin & Mas Rynna Wati Ahmad. 2108. Konsep Jati Diri Melayu dalam Puisi Catatan Kembara “Nota Kecil Menyeberang Usia”. *Jurnal Melayu*, 17(2), 289- 299.
- Kassim Salleh.1989. *Ijtihad: Sejarah dan Perkembangannya*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Khair, J. 2013. An Introduction to The Use of Sirih in Malay Culture. *Passage*, 3, 10-11.
- Md. Shukri. 2010. *Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Keutamaan Melaksanakan Umrah Berulang Kali Berbanding Amalan Bersedekah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Zohdi Mohd Amin. 2014. *Jin Menurut Perspektif Sunnah dan Budaya Melayu: Analisis Kesan Kepercayaan Dalam Kalangan Remaja*. Pulau Pinang: Universiti Sains Islam Malaysia.
- MSS2241 *Hikayat Usul Mujalis Perdana Halam*. Perpustakaan Negara Malaysia.

- Norbaya, M. 1993. *Tepak Sirih dan Budaya Melayu. Utusan Malaysia.*
- Nurul Asmida Saad. 2015. *Pandangan Mb Hooker Terhadap Adat di Tanah Melayu: Analisis Terhadap*
- Rahimah Abdul Aziz. 2001. *Pengantar Sosiologi Pembangunan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rooney, D. F. 1993. *Betel Chewing Traditions in South-East Asia.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Safwan Razali dan Zubir Idris. 2018. Gambaran Masyarakat Melayu Tradisional dalam *Syair Putera Mahkota. Jurnal Melayu*, 17 (2),.225-235,
- Sheppard, M. 1972. *Taman Indera: Malay Decorative Arts and Pastimes.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Syaimak Ismail & Muhammad Saiful Islam Ismail. 2020. Unsur-Unsur Mistik dan Pemujaan dalam Kalangan Masyarakat Melayu Di Pulau Besar Negeri Melaka. *Jurnal Melayu*, 19 (2), 257-264..
- Zainal Kling. 2009. Islam dan Kebudayaan Alam Melayu. Mohd. Fauzi Yaacob (Pnyt.). *Malaysia: Transformasi dan Perubahan Sosial*, hlm. 20-24. Shah Alam: Arah Publications.

**Biodata Penulis:**

**Nur Azlin Matsom** adalah pelajar yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2020.

**Zubir Idris (PhD)** adalah pensyarah kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan kajian manuskrip Melayu dan historiografi Melayu tradisional.